

## **Peranan Dong Jiao Zong dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Pengendalian dan Perkembangan Pendidikan Bahasa Ibunda**

Ho Kee Chye  
Pusat Pengajian Cina Malaysia

### **Abstrak**

Dong Jiao Zong (DJZ) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan dua pertubuhan memperjuang dan mempertahankan kepentingan bahasa dan pendidikan ibunda etnik masing-masing. Sungguhpun kedua-dua pertubuhan tersebut mempunyai fungsi dan peranan yang hampir sama, seperti memartabat dan memperkembangkan bahasa ibunda, menyumbang kepada bidang pendidikan dan kesusasteraan, mewarisi nilai-nilai tradisional dan budaya dan sebagainya demi mengekalkan identiti etnik masing-masing. Sungguhpun demikian, pendirian dan pemihakan DJZ dan DBP secara amnya adalah bertentangan di mana DBP merupakan badan berkanun kerajaan yang mewakili kumpulan majoriti di Malaysia yang berperanan memperkukuhkan kehegemonian politik dan budaya etnik Melayu melalui pembentukan dan perkembangan bahasa kebangsaan selaras dengan dasar-dasar kerajaan. Sebaliknya, DJZ yang bersifat komunal, merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) dan bukan teras keuntungan (NPO) yang disokong oleh komuniti Cina yang merupakan kaum minoriti di Malaysia. DJZ bertujuan memperjuangkan pembelajaran dan penggunaan bahasa Cina di kalangan pelajar Cina kerana menganggap bahawa budaya Cina dan identiti etnik Cina hanya akan diwarisi sepenuhnya melalui pembelajaran bahasa Cina. Bertolak dari jurang perbezaan sebegini, percanggahan tentu berlaku di antara DJZ dan DBP. DJZ berperanan menuntut hak kesamarataan dalam pendidikan ibunda Cina, mengekalkan identiti etnik Cina, dan pada masa yang sama juga berusaha mengekang perkembangan hegemoni politik dan kebudayaan pihak pemerintah. Natiujahnya, penuntutan DJZ sering disifatkan sebagai “chauvanisme” yang sengaja merosakkan usaha-usaha kerajaan menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Kertas kerja ini membandingkan peranan dan cabaran DJZ dan DBP dalam dua sudut, iaitu (1) pengendalian pendidikan bahasa ibunda; (2) cara pengembangan bahasa ibunda oleh DJZ dan DBP. Kertas kerja ini mendapati bahawa perkembangan dan kemajuan yang tercapai dalam pendidikan ibunda Cina di Malaysia merupakan hasil balasan daripada layanan dan dasar-dasar pendidikan nasional yang mengancam pendidikan Cina. Di bawah tekanan-tekanan politik dan cabaran-cabaran daripada pendidikan nasional, DJZ terpaksa mengatasi tekanan dan ancaman tersebut selangkah demi selangkah demi kesinambungan pendidikan ibunda. Di bawah penerajuan DJZ yang melebihi 60 tahun, sistem pendidikan Cina di Malaysia kini merupakan sistem pendidikan Cina yang paling sempurna di antara negara-negara di Asia Tenggara.

Kata kunci: Dong Jiao Zong, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahasa Melayu, Pendidikan Ibunda, Gerakan Pendidikan Cina

## **A Study on the Roles of Dong Jiao Zong and Dewan Bahasa dan Pustaka in the Management and Development of Mother Tongue Language Education**

**Ho Kee Chye**

Centre for Malaysian Chinese Studies.

### **Abstract**

Dong Jiao Zong (DJZ) and Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) are two organizations which are founded to maintain and preserve the importance of their mother tongue language and education. These two organizations have similar functions and roles in maintaining their ethnic's identity, such as upholding and improving their mother tongue language and education, contribute to the mother tongue language education system and literature, inherited the traditional values and culture, etc. Generally, the DJZ and DBP have different stance and propositions. DBP is a government statutory body that represents the majority group in Malaysia and playing the role to strengthen the political and cultural hegemony of Malay ethnic by shaping the national language and developed it in line with the government's policies. Instead, DJZ is a communal, non-governmental organization (NGO) and non-profit organization (NPO), established and funded by Chinese community, representing the minority group in Malaysia. For DJZ, its objective is to fight for the use of Chinese language in learning among Chinese students by assuming that the values of Chinese culture and the ethnic identity can only be inherited through the learning of Chinese language. Due to these different roles, discrepancies between DJZ and DBP certainly exist. DJZ demands for equal rights for the mother tongue education, to maintain its ethnic identity and try to curb the rise of political and cultural hegemony of the governing party at the same time. As a result, the demands of DJZ are often described as "chauvinism" and deliberately destroying government's efforts in uniting people from different ethnic groups. This paper compares the roles and challenges of DJZ and DBP from two angles: (1) the management of the mother tongue language education, and (2) the development of the mother tongue language, by both DJZ and DBP. This paper found that the development and progress in Chinese education is the result of the encounter and responses to the National Education policies that threatened the development of Chinese education. Under the political pressures and the challenges from National Education policies, DJZ had to cope with these pressures step by step to ensure the sustainability of mother tongue education. Under the leadership of DJZ more than 60 years, the Chinese education system in Malaysia nowadays is the most complete Chinese education among the countries in Southeast Asia.

**Keywords:** Dong Jiao Zong (DJZ), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Bahasa Melayu, Mother Tongue Language Education, Chinese Education Movements

## Pendahuluan

“Bahasa Jiwa Bangsa” merupakan peribahasa Melayu yang mengingatkan kita tentang betapa pentingnya bahasa terhadap pembinaan kerohanian sesebuah etnik. Bahasa telah melambangkan budaya dan identiti sesebuah etnik. Oleh itu, adalah secara natural dan merupakan satu hak asasi bagi sesebuah etnik mempelajari bahasa mereka sendiri.

Di Malaysia, bahasa Melayu (BM) telah dijadikan sebagai bahasa rasmi sejak kemerdekaan. Dasar-dasar bahasa dan pendidikan yang dilaksanakan pula memperlihatkan usaha pihak pemerintah dalam menjadikan BM sebagai bahasa dominan dan bahasa pengantar dalam pendidikan demi membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatupadu. Jadual berikut menunjukkan beberapa tindakan pihak pemerintah dalam memartabatkan BM sebagai bahasa pengantar di sekitar tahun 1957-1969.

Jadual 1

*Laporan-laporan dan Akta-akta yang Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Malaysia, 1956-1969*

Tahun	Laporan	Perkara Penting
1956	Laporan Razak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencadangkan bahasa Melayu sebagai pengantar dalam sistem pendidikan negara.</li> <li>• Menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama.</li> <li>• Menyamakan sukatan pelajaran semua sekolah.</li> </ul>
1957	Ordinan Pelajaran 1957	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan Razak dibentang dan diluluskan di Majlis Perundangan Persekutuan pada April 1957.</li> <li>• Dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 (The Education Ordinance, 1957)</li> </ul>
1959	Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dewan Bahasa dan Pustaka diberi kuasa autonomi melaksanakan tugas membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan di Malaya (Malaysia)</li> </ul>
1960	Laporan Rahman Talib	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencadangkan Sekolah Rendah Umum dan Sekolah Rendah Jenis Umum ditukar kepada Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Sekolah-sekolah ini akan dibekal dengan guru-guru yang berkelayakan, terutamanya guru-guru Bahasa Kebangsaan.</li> <li>• Semua peperiksaan dijalankan dalam bahasa rasmi sahaja, iaitu Bahasa Inggeris atau Bahasa Kebangsaan.</li> <li>• Menarik balik bantuan daripada sekolah menengah yang tidak akur dengan sistem pendidikan kebangsaan.</li> <li>• Sekolah menengah yang menukar bahasa pengantar kepada bahasa rasmi akan diberi bantuan penuh (iaitu bantuan penuh akan diberi kepada Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan sahaja.)</li> </ul>

1961	Akta Pelajaran 1961	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan Rahman Talib dibentang dan diluluskan di Parlimen.</li> <li>• Dikuatkuasakan dalam Akta Pelajaran 1961 (The Education Act, 1961)</li> </ul>
1963 1967	Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa kebangsaan digunakan bagi tujuan rasmi.</li> <li>• Tulisan Rumi digunakan untuk penulisan Bahasa Kebangsaan. Namun penggunaan tulisan Jawi tidak dilarang.</li> </ul>

*Nota.* Sumber daripada Mok Soon Sang, 2000, h.48-61, Jiao Zong 33 Nian Bianjishi, 1987, h.873-875.

Dalam usaha memartabatkan BM seperti yang tersenarai di atas, telah menimbulkan kebimbangan etnik-etnik minoriti, khas etnik Cina. Mereka telah mengemukakan tuntutan mereka demi menjaga kepentingan bahasa dan pendidikan ibunda mereka. Akibatnya, berlaku pertembungan atau percanggahan terhadap isu-isu bahasa dan pendidikan ibunda antara dua pihak (majoriti dan minoriti) tersebut. Menurut Tan Yao Sua, percanggahan tersebut berpunca daripada:

“... golongan majoriti sering menuntut agar bahasa mereka dijadikan teras dalam proses pembinaan negara bangsa dengan mempertahankan dasar pendidikan dan dasar bahasa yang bersifat asimilatif. Hal ini membangkitkan kebimbangan dan keresahan di kalangan golongan minoriti. Pada pandangan mereka pendidikan dalam bahasa ibunda merupakan satu hak asasi manusia yang harus dipertahankan untuk mengekalkan budaya dan identiti etnik. Justeru, mereka menuntut agar hak ini diiktiraf oleh penggubal-penggubal dasar.” (Tan, 2005, h.3)

Untuk membela nasib bahasa dan pendidikan ibunda, masyarakat Cina telah menuntut hak mereka dengan menggabungkan sumber dan tenaga yang terdapat di dalam komuniti mereka. Usaha sedemikian telah membawa kepada penubuhan dua buah pertubuhan yang amat berpengaruh di dalam sejarah pendidikan Malaysia sejak dekad 1950an, iaitu Jiao Zong, atau “Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia” (*The United Chinese School Teachers’ Association of Malaysia, UCSTAM*) dan Dong Zong, atau “Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia” (*United Chinese School Committees Association of Malaysia, UCSCAM*).

Disebabkan kedua-dua pertubuhan ini mempunyai matlamat perjuangan yang serupa, saling berganding bahu membantah pelbagai polisi yang dianggap akan mengancam perkembangan dan kepentingan pendidikan ibunda Cina, sehingga mereka selalu dirujuk sebagai Dong Jiao Zong (DJZ). DJZ masih memainkan peranan yang penting dalam pendidikan ibunda Cina sejak zaman 1950-an sehingga hari ini. Disebabkan pendirian DJZ yang selalu membantah dasar-dasar bahasa dan pendidikan yang tidak adil kepada bahasa dan pendidikan ibunda, mereka sering dilabel dengan sifat-sifat “chauvinisme”, “racialisme”, “komunisme” dan sebagainya.

Dalam usaha memartabat BM di seluruh Malaya/Malaysia, kerajaan telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan peranannya sebagai sebuah badan berkanun kerajaan yang mengkaji, menyelaras dan mengembang penggunaan BM.

DBP ditubuhkan pada pertengahan tahun 1950an, selaras dengan pengisytiharan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan setelah kemerdekaan Malaya. DBP pada mulanya merupakan sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran, dengan nama asalnya sebagai “Balai Pustaka”. DBP kemudian ditukar taraf menjadi sebuah badan berkanun dan diberi kuasa otomomi menggubal dasar bahasa dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang seperti penulisan sukatan teks sekolah, penerbitan, penjualan dan pemasaran buku.

DJZ dan DBP masing-masing memperjuangkan bahasa dan pendidikan ibunda. Kedua-dua pertubuhan tersebut mempunyai pendirian yang agak berbeza terhadap dasar kerajaan, dan sentiasa berada di pihak yang bertentangan. Misalnya, DJZ merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan bukan teras keuntungan (NPO), di mana perbelanjaannya disokong oleh komuniti Cina melalui dermaan. DBP pula merupakan badan berkanun kerajaan dan disokong oleh kerajaan. DJZ menuntut agar kerajaan mengiktirafkan pendidikan ibunda golongan minoriti, tetapi DBP mewakili golongan majoriti ingin memartabatkan kedudukan BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar tunggal di Malaysia.

## **Latar Belakang Dong Jiao Zong dan Dewan Bahasa dan Pustaka**

### **1. Penubuhan Jiao Zong**

DJZ merupakan gabungan nama singkatan bagi Dong Zong dan Jiao Zong. Jiao Zong ditubuhkan pada 25 Disember 1951. Penubuhan Jiao Zong adalah satu tindak balasan kepada dasar pendidikan kerajaan British pada masa tersebut. Pada 10 Jun 1951, satu Jawatankuasa Pendidikan Melayu yang dipimpin oleh L. J. Barnes, dalam laporan kajian mereka yang dikenali sebagai “Laporan Barnes” (*Barnes Report*) telah mencadangkan kerajaan British menggantikan sekolah bahasa ibunda (sekolah Cina dan sekolah Tamil) kepada sekolah kebangsaan, di mana bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar bagi semua jenis sekolah (Mok, 2000, h.33-34). Walau bagaimanapun, cadangan Barnes mendapat tentangan kuat daripada masyarakat Cina.<sup>1</sup>

Pada Jun 1951, sebuah jawatankuasa juga ditubuhkan untuk mengkaji pendidikan ibunda Cina di Tanah Melayu. Jawatankuasa tersebut diketuai oleh Dr. William P. Fenn dan Dr. Wu Teh Yao. Mereka telah mengemukakan dalam hasil kajian mereka dalam Laporan Fenn-Wu. Laporan Fenn-Wu menyokong sistem pendidikan Cina di Malaya dan menegaskan bahawa pendidikan Cina selaras dengan pembinaan bangsa Malaya:

“...Orang Cina setelah memahami dan mengkaji faedahnya, sedia belajar tiga bahasa, iaitu Bahasa Cina, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Jadi, jika orang

---

<sup>1</sup> Laporan Barnes ditentang juga disebabkan oleh cadangan-cadangannya telah melebihi panduan rujukannya (*term of reference*) yang meliputi semua jenis sekolah padahal ia sepatutnya mengkaji pendidikan vernakular Melayu sahaja. Selain itu, ahli-ahli Jawatankuasa Barnes juga dikatakan tidak seimbang kerana ia terdiri daripada orang Eropah dan orang Melayu sahaja, dan sudut pandangan mereka dalam laporan Barnes tidak dapat mewakili kehendak kaum-kaum yang lain. Maklumat yang lanjut boleh merujuk kepada Mok Soon Sang, h.32-35, Jiao Zong 33 Nian Bianjishi, h.295-297 & h.306-307 dan Tay Lian Soo, 2001, h.85-92.

Cina memilih sistem pendidikan yang melibatkan pengajaran ketiga-tiga bahasa itu, kerajaan British patut memberi galakan. ..Sebarang tindakan untuk memaksa rakyat berbilang kaum supaya belajar satu atau dua bahasa sahaja akan menjejaskan persefahaman dan perpaduan di antara kaum.” (Mok, 2000, h. 35)

Berkenaan dengan pembinaan bangsa Malaya, Laporan Fenn-Wu juga berpendapat bahawa:

“As these distinct cultural strains have for many years defined the pattern of life in Malaya, they seem destined to so far many years to come. It is not possible artificially to create one culture out of several, certainly not quickly. Because of the psychological and emotional attachments of the racial groups, any attempt at the moment to force unwilling fusion will almost certainly lead to further cleavage, which neither Malaya nor the world can afford.” (*Chinese Schools and the Education of Chinese Malayans*, 1951, h. 4)

Berbeza dengan Laporan Barnes, Laporan Fenn-Wu mendapat kebanyakan sokongan daripada masyarakat Cina. Oleh kerana pandangan kedua-dua laporan jauh berbeza, Kerajaan British menubuh sebuah Jawatankuasa Pusat Penasihat Pelajaran (*Central Advisory Committee on Education*) untuk mengkaji dan menilai kedua-dua laporan tersebut. Laporan Jawatankuasa Pusat telah menerima kebanyakan cadangan-cadangan yang dikemukakan di dalam Laporan Barnes dan sedikit sebanyak cadangan-cadangan dalam Laporan Fenn-Wu. Tay Lian Soo menganalisis dan membuat kesimpulan bahawa Laporan Jawatankuasa Pusat ini “pada dasarnya menegaskan dan memastikan lagi pendirian dan cadangan Laporan Barnes”. (Tay, 2001, h. 162)

Atas keresahan tentang masa hadapan pendidikan ibunda, beberapa pejuang pendidikan ibunda seperti Dato’ Sim Mow Yu, Lim Lian Geok dan lain-lain telah mencadangkan penubuhan sebuah pertubuhan yang bertaraf nasional untuk mempertahankan pendidikan Cina. Hasil daripada usaha-usaha mereka, Jiao Zong telah ditubuhkan di Kuala Lumpur. Jiao Zong merupakan organisasi yang pertama dalam mempertahankan pendidikan ibunda di Malaysia. Sepertimana yang dikatakan oleh Jiao Zong sendiri:

“...Kerajaan British ingin menghapuskan pendidikan Cina melalui Laporan Barnes, menyebabkan guru-guru sekolah Cina terpaksa bersatu hati untuk mencari jalan penyelesaian. Maka, Jiao Zong ditubuhkan bagi menghadapi keadaan yang genting.” (*Jiao Zong Jianjie*)

Jiao Zong telah menetapkan matlamatnya seperti berikut:

1. Menjalin hubungan pertalian guru-guru sekolah Cina di seluruh Malaysia, membela kebajikan mereka dan mengembangkan budaya Cina;
2. Mengkaji dan memajukan pendidikan;
3. Menuntut kedudukan yang saksama di dalam pendidikan Cina dan kewarganegaraan kaum Cina.

Pada tahun 1958, di bawah pimpinan Lim Lian Geok, selaku pengerusi Jiao Zong, bangunan ibu pejabat Jiao Zong yang berlokasi di Jalan Batu (*Batu Road*)<sup>2</sup> telah dibina. Ini menandakan usaha perjuangan pendidikan Cina mula melangkah ke arah yang lebih organisasi, sistematik dan teratur. Lim Lian Geok mengharapkan bahawa dengan adanya bangunan Jiao Zong, “para pendidik Cina dapat bersatu padu buat selama-lamanya, wawasan orang Cina mempertahankan budaya kaum dapat diteruskan kepada waris-warisnya, dan orang-orang Cina kemudian dapat memahami dan mengingat usaha-usaha orang dahulu dalam memperjuangkan hak kesamarataan bagi kedudukan pendidikan Cina.” (Jiao Zong 33 Nian Bianjishi. h.430). Kini, Jiao Zong mempunyai 43 buah ahli persatuan yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah Cina dan sekolah persendirian Cina.

## 2. Penubuhan Dong Zong

Tay Lian Soo (2001) menggambarkan bahawa guru bagaikan jiwa kepada sekolah Cina, manakala lembaga pengurus sekolah bagaikan pengasuh kepada sekolah Cina. Sekolah Cina tidak dapat hidup tanpa jiwanya, dan sekolah Cina tidak akan berkembang maju jika tiada pengasuhnya (Tay, 2001, h.257). Jiao Zong yang ditubuhkan pada tahun 1951 telah memberi nafas dan jiwa baru kepada pendidikan Cina di Malaya, tetapi Dong Zong yang berperanan membangunkan sekolah Cina hanya berjaya ditubuhkan 3 tahun kemudian.

Kemunculan Dong Zong telah melengkapkan usaha-usaha Jiao Zong membela nasib pendidikan Cina di Malaya/Malaysia. Dong Zong ditubuhkan pada 22 Ogos 1954. Penubuhan Dong Zong tidak seperti dengan penubuhan Jiao Zong yang diakibatkan oleh tekanan dasar-dasar pemerintah yang ingin menghapuskan kewujudan pendidikan Cina pada saat-saat yang amat genting. Walau bagaimanapun, sebelum penubuhannya, wakil-wakil daripada persatuan lembaga pengurus sekolah peringkat negeri atau daerah sempat menyertai pelbagai mesyuarat yang berkenaan isu-isu pendidikan Cina.

Pada awal penubuhan, Dong Zong meletakkan pejabatnya di dalam bangunan Majlis Perhimpunan Cina Selangor dan Jiao Zong. Keadaan ini membolehkan Dong Zong selalu bekerjasama dengan Huatuan (Persatuan-persatuan Cina) dan Jiao Zong dalam menentang dasar-dasar yang mengancam kewujudan pendidikan Cina. Sehingga pada tahun 1994, Dong Zong baru memindahkan pejabatnya ke Kajang. Kini, ahli-ahli Dong Zong terdiri daripada Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Rendah Cina atau Sekolah Menengah Persendirian (Du Zhong) yang berperingkat negeri di seluruh Malaysia.

Sejak penubuhan sehingga hari ini, Dong Zong dan Jiao Zong telah bekerjasama melebihi 55 tahun dalam menuntut perkembangan pendidikan ibunda, dan menjaga kepentingan hak asasi manusia dalam mempelajari bahasa ibunda. Usaha DJZ telah diperakui dan disokong oleh komuniti Cina dan Huatuan. Kini DJZ dianggap sebagai

---

<sup>2</sup> Kini dikenali sebagai Jalan Tunku Abdul Rahman.

pemimpin kepada gerakan pendidikan Cina di Malaysia.<sup>3</sup>

Atas usaha gigih DJZ sehingga hari ini, masyarakat Cina berjaya mengendalikan 61 buah Du Zhong di Malaysia dan 3 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), iaitu Kolej New Era (Kajang, Selangor), Kolej Universiti Selatan (Skudai, Johor) dan Kolej Han Chiang (Georgetown, Pulau Pinang).

Walau bagaimanapun, perjuangan DJZ tidak hanya terhad kepada bahasa Cina sahaja. Pada 1-2hb. November 1997, DJZ telah menganjurkan “Seminar Pendidikan Ibunda Etnik-etnik Minoriti Malaysia: Masalah dan Harapan” (*Seminar on Mother Tongue Education of Malaysian Ethnic Minorities: Problems and Prospects*). Tujuan seminar ini adalah untuk membincangkan masalah pendidikan ibunda yang dihadapi oleh kumpulan masyarakat minoriti. Kua Kia Soong berpendapat bahawa kebanyakan rakyat Malaysia atau orang-orang yang tidak begitu mengenali keadaan masyarakat Malaysia, mereka tidak akan dapat memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh etnik-etnik minoriti dalam proses menuntut hak-hak dan kepentingan pendidikan ibunda mereka di Malaysia (Kua, 1998, h.1).

Dalam sepanjang proses membantah dasar “Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris” (PPSMI) yang telah dilaksanakan mulai tahun 2003,<sup>4</sup> DJZ mula bergabung tenaga dengan pertubuhan-pertubuhan yang bersifat budaya dan pendidikan yang terdiri dari pelbagai kaum untuk mempertahankan pendidikan ibunda.<sup>5</sup> Usaha DJZ sedemikian menunjukkan bahawa ia bukan sahaja mementingkan pendidikan ibunda Cina, tetapi juga mengambil berat dengan pendidikan ibunda kaum lain.

### 3. Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau nama asalnya Balai Pustaka ditubuhkan di Johor pada tahun 1956, merupakan sebuah jabatan kecil di dalam Kementerian Pelajaran. Penubuhan DBP menunjukkan hasrat kerajaan dalam mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

---

<sup>3</sup> Dalam usaha menuntut pendidikan ibunda peringkat awal (1950an-1960an), Persatuan Cina Malaya (*Malayan Chinese Association*, MCA) di bawah pimpinan Tun Dato Sri Tan Cheng Lock, selalu berkerjasama dengan DJZ sehingga mereka dirujuk sebagai “San Jigou” (tiga buah pertubuhan).

<sup>4</sup> Dasar PPSMI ini diluluskan oleh Mesyuarat Khas Jemaah Menteri di bawah pimpinan Perdana Menteri ke-4, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Julai 2002. PPSMI mula dilaksanakan pada Januari 2003. Dasar ini bertujuan menggantikan bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda yang merupakan bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik dan Sains kepada bahasa Inggeris di semua peringkat sekolah kebangsaan. Dasar PPSMI dipercayai dapat meningkatkan daya saingan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Malaysia. Rujukan lanjut: Malaysiakini (2009, July 8).

<sup>5</sup> Pertubuhan-pertubuhan ini termasuklah Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Persatuan Penulis Nasional (Pena), Pusat Pendidikan SRI-SMI Sdn Bhd (MUSLEH), Persatuan Linguistik Malaysia, Persatuan Penterjemah Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Yayasan Tamil Malaysia, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Kumpulan Warganegara Prihatin (*The Group of Concerned Citizens*), Gerakan Mansuhkan PPSMI dan lain-lain.



Dua tahun kemudian, DBP telah ditukar taraf menjadi sebuah badan berkanun kerajaan di bawah Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Di bawah akta tersebut, DBP telah diberi kuasa autonomi dalam hal ehwal menggubal dasar bahasa dan menyusun, merancang dan mengembangkan bahasa kebangsaan. Akta tersebut menyatakan tugas-tugas DBP seperti berikut:

1. untuk memperkembang dan memperkayakan bahasa kebangsaan;
2. untuk memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan;
3. untuk mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam pencetakan atau penerbitan buku-buku, majalah-majalah, risalah-risalah dan lain-lain bentuk kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa-bahasa lain;
4. menstandardisasikan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah-istilah teknik yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.

Pertukaran taraf ini telah mendorong DBP menceburkan diri dalam bidang penerbitan dan pemasaran buku, di samping berusaha memartabatkan BM. Pada tahun 1957, DBP telah memindahkan pejabatnya ke Kuala Lumpur supaya memudahkan segala pelaksanaan tugasnya yang selaras dengan pengisytiharan BM sebagai bahasa rasmi tunggal negara. Selepas itu, pada tahun 1962, DBP sekali lagi telah memindahkan ibu pejabatnya ke Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur.

Untuk menyelaraskan tugas yang diberi, DBP telah membahagikan kerjanya kepada 4 jabatan, iaitu: (1) Jabatan Bahasa; (2) Jabatan Sastera; (3) Jabatan Pentadbiran Personel dan Kewangan; dan (4) Jabatan Penerbitan. Di bawah jabatan-jabatan tersebut, terdapat banyak lagi bahagian-bahagian yang teratur. Kini, DBP mempunyai dua buah cawangan di Sabah dan Sarawak, dan tiga buah pejabat wilayah (Utara, Selatan dan Timur).

### **Peranan dan Ciri-Ciri DJZ dan DBP**

Merujuk kepada latar belakang ringkas yang tersebut di atas, didapati bahawa penubuhan DJZ dan DBP pada dasarnya adalah untuk memperjuangkan dan memperkembangkan bahasa dan pendidikan ibunda masing-masing agar identiti-identiti etnik mereka dapat dikekalkan.

Namun, sifat kedua-dua pertubuhan ini ketaranya berbeza. DJZ merupakan pertubuhan bersifat komunal yang didokong oleh masyarakat Cina, tetapi DBP pula melaksanakan tugas atas arahan kerajaan dan melaksanakan polisi-polisi bahasa kerajaan. Oleh sebab itu, DBP bukan hanya berperanan mengekalkan identiti Melayu, tetapi juga bertujuan membantu pihak pemerintah melaksanakan dasar pendidikan negara dalam menjadikan BM sebagai bahasa rasmi tunggal di Malaysia.

Untuk meneliti dengan lebih lanjut peranan yang dimainkan oleh DJZ dan DBP, perbincangan berikut akan tertumpu kepada penglibatan DJZ dan DBP dalam pengendalian pendidikan ibunda dan bagaimana DJZ dan DBP memperkembangkan bahasa ibunda.

## 1. Usaha Dalam Pengendalian Pendidikan Ibunda

### (1) DJZ

Orang Cina berhijrah ke Tanah Melayu secara beramai-ramai sejak pertengahan abad ke-19 untuk mencari rezeki kehidupan. Kedatangan mereka bukan sahaja membawa masuk budaya dan bahasa vernakular masing-masing, tetapi juga tradisi orang Cina yang mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Oleh itu, pendidikan ibunda Cina mula berbunga di Tanah Melayu. Dipercayai bahawa pendidikan Cina vernakular bermula dari tahun 1819, dengan tertubuhnya sekolah persendirian Cina pertama di Pulau Pinang yang bernama Institut Wu Fu. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa sejarah pendidikan di Malaysia telah berlangsung hampir 200 tahun.<sup>6</sup>

Dalam perkembangan sejarah pendidikan Cina di Malaysia, DJZ yang ditubuh pada dekad 1950 telah memperolehi pengalaman yang mendalam dalam mengendalikan institusi-institusi pendidikan dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Pengkhususan kerja antara Jiao Zong dan Dong Zong memperlihatkan keberkesanan mereka dalam perihal pendidikan Cina. Jiao Zong bertanggungjawab kepada hal ehwal guru-guru dan pengurusan sekolah di sekolah rendah Cina; Dong Zong bertanggungjawab kepada hal ehwal guru-guru dan pentadbiran Du Zhong. Selain itu, Dong Zong juga bertanggungjawab memimpin lembaga-lembaga pengurus di semua peringkat sekolah Cina. Berikut adalah peranan yang pernah dimainkan oleh DJZ dalam menuntut hak kesamarataan pendidikan ibunda:

#### (a) Peringkat Pengajian Tinggi

Pada tahun 1967, Parlimen telah meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan di mana Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi yang tunggal. Selanjutnya, Kementerian Pelajaran telah mengisytiharkan bahawa semua pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara, diperlukan memperolehi Sijil Pendidikan Malaysia, SPM (*Malaysian Certificate of Education, MCE*), ataupun Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, STPM (*Higher School Certificate, HSC*) yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Pengumuman ini bagai memutuskan peluang pelajar-pelajar Du Zhong melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti di Taiwan, Hong Kong atau Universiti Nanyang di Singapura. Tujuan kerajaan berbuat demikian jelas terlihat untuk memaksa Du Zhong menukarkan bahasa pengantar mereka. Pelajar Du Zhong kebanyakannya tidak mengambil bahagian dalam peperiksaan *MCE*.

Justerunya, masyarakat Cina telah melahirkan pendapat untuk menubuh sebuah universiti Cina tempatan bagi menampung pelajar-pelajar Du Zhong. Hasrat sedemikian telah disahut kuat oleh masyarakat Cina. Dalam masa tidak sampai enam bulan, wang dermaan yang diterima telah mencapai \$360 ribu, setara dengan \$60 ribu sebulan (Tay,

<sup>6</sup> Sejarah perkembangan pendidikan Cina telah disusun dengan teliti dan lengkap oleh para sarjana pendidikan Cina dari masa ke semasa. Antaranya termasuk Tay Lian Soo, *Malaixiya Huawen Jiaoyu Fazhanshi* [The Development of Chinese Education in Malaysia]; Mok Soon Sang, *Pendidikan di Malaysia*; Mok Soon Sang, *Malaixiya Jiaoyushi:1400-1999* [The History of Chinese Education in Malaysia: 1400-1999]; Kua Kia Soon, *The Chinese Schools of Malaysia: A protean Saga* dan lain-lain.

2003, h.175). Dalam Kongress Persatuan-persatuan Cina yang dianjurkan oleh DJZ pada April 1968, sebuah syarikat, “Merdeka University Berhad” telah ditubuhkan untuk menguruskan perkara permohonan dan penyediaan universiti, yang diberikan nama Universiti Merdeka, termasuk mengumpul dermaan.

Isu Universiti Merdeka menjadi satu isu hangat, sehingga kerajaan mengemukakan pendirian mereka menolak penubuhan Universiti Merdeka. Pada Julai 1968, kerajaan telah meluluskan cadangan Persatuan Cina Malaysia (MCA) menubuhkan kolej Tunku Abdul Rahman. Perbuatan kerajaan ini bertujuan meredakan kehangatan masyarakat Cina dalam isu Universiti Merdeka.

Pada 9hb. Mei 1969, kerajaan telah meluluskan permohonan Universiti Merdeka. Kelulusan tersebut dipengaruhi oleh senario politik kerana pilihan raya umum akan diadakan pada 10 Mei 1969, iaitu sehari selepas meluluskan permohonan Universiti Merdeka. Walau bagaimanapun, berlakunya peristiwa 13 Mei kemudiannya sehingga penubuhan Universiti Merdeka ditangguhkan. Pada tahun 1978, kerajaan menolak penubuhan Universiti Merdeka. Hal ini menyebabkan syarikat Universiti Merdeka Berhad membawa kes ini ke mahkamah tetapi dikalahkan pada tahun 1982 (Choong, 2004, h.186-187, 215-217, 230-233 & 236-239).

Oleh itu, usaha menuntut pendidikan ibunda yang berperingkat pengajian tinggi di Malaysia selalunya digambar sebagai menunggu “pokok besi berbunga”. Sungguhpun demikian, atas semangat tidak putus asa serta usaha gigih masyarakat Cina dan DJZ, pokok besi akhirnya berbunga juga. Pada tahun 1990, Kementerian Pelajaran telah meluluskan permohonan untuk menubuhkan Kolej Selatan yang terletak di Skudai Johor; pada tahun 1997, meluluskan permohonan Kolej New Era yang terletak di Kajang, Selangor; dan meluluskan Kolej Han Chiang di Georgetown, Pulau Pinang pada tahun 1999 (Choong, h.267, 293 & 302).

### **(b) Peringkat Sekolah Menengah Cina Persendirian (Du Zhong)**

Pada tahun 1961, kerajaan pakatan telah meluluskan Akta Pendidikan 1961. Menurut akta tersebut, mana-mana sekolah menengah Cina yang menerima bantuan kewangan kerajaan perlu ditukarkan kepada sekolah menengah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Akibatnya, lebih kurang 60% sekolah menengah Cina menerima syarat tersebut. Hanya 16 buah sekolah menengah Cina<sup>7</sup> mengekalkan status mereka dan mengambil keputusan untuk berdikari. Dengan demikian lahirnya Sekolah Menengah Cina Persendirian yang dikenali sebagai “Du Zhong” di Malaya sehingga hari ini.

Masalah utama yang dihadapi oleh Du Zhong ialah masalah kewangan dan

---

<sup>7</sup>Menurut Tay Lian Soo, statistik Jiao Zong menunjukkan terdapat 14 buah sekolah menengah Cina yang menolak bantuan kerajaan. Begitu juga dengan angka yang dibekal oleh Kua Kia Soong (2008, h.84). Tay berpendapat bahawa jumlah 14 buah sekolah tersebut adalah betul dan 16 buah juga tidak salah. Ini adalah kerana terdapat 2 buah sekolah menengah yang terletak di Perak, salah sebuah tidak befikir untuk menukar statusnya manakala sebuah lagi pernah memohon bantuan kewangan tetapi tiada sebarang balasan diterima daripada pihak kerajaan. (Tay, 2003, h.85-87)

bilangan pelajarinya yang terjejas akibat daripada dasar-dasar kerajaan. Pada tahun 1970an, DJZ telah menyokong gerakan “menghidup kembali (*revival*) Du Zhong” (*Du Zhong Fuxing Yundong*) yang dipelopori oleh komuniti Cina di Perak. Gerakan tersebut mencapai kejayaan yang cemerlang. DJZ telah menubuhkan “Jawatankuasa Du Zhong Malaysia” untuk merancang polisi pendidikan, sukatan pelajaran, sistem peperiksaan bersama Du Zhong, sumber tenaga pengajar dan sebagainya.

### **(c) Sistem Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Cina Persendirian**

Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate*, UEC) merupakan peperiksaan penilaian pelajar-pelajar di Du Zhong. UEC dilaksanakan oleh Jawatankuasa Du Zhong Malaysia sejak tahun 1975. Pengenalan UEC merupakan satu percubaan bagi DJZ untuk mengukuhkan perkembangan pendidikan Cina di Malaysia.

Dalam proses merangka sistem peperiksaan UEC, Menteri Pelajaran ketika itu, Dr. Mahathir Mohammad telah memerintah supaya UEC dibatalkan kerana ia telah mencipta satu sistem pendidikan yang lain akan merosakkan penyatupaduan rakyat serta kepentingan negara (Choong, h.227). Disebabkan UEC tidak melanggar mana-mana perundangan Malaysia, maka ia berjaya diadakan buat pertama kalinya di Malaysia.

Sijil Peperiksaan Bersama telah diakui oleh kebanyakan universiti dari Singapura, Taiwan China, Australia dan lain-lain negara, sebagai kelayakan kemasukan ke dalam universiti. Tetapi, UEC tidak diakui oleh kerajaan Malaysia sebagai syarat kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Sungguhpun demikian, disebabkan reputasi UEC yang baik, banyak institusi-institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menerima UEC sebagai kelayakan masuk.

### **(2) DBP**

Dalam bidang pendidikan, jelas didapati bahawa DBP tidak terlibat dengan kerja-kerja mengendalikan sistem pendidikan BM. DBP hanya bertugas untuk mengembang dan memartabatkan status BM, menetapkan piawaian tatabahasa dan memperluaskan penggunaan bahasa serta menggalakkan penulisan sastera BM di Malaysia. Perihal pengendalian kandungan pendidikan BM dan peperiksaan adalah terletak di bawah penguasaan dan pengawalan Kementerian Pelajaran Malaysia.

## **2. Pengembangan Bahasa Ibunda**

### **(1) Melalui Penerbitan**

DJZ dan DBP juga membabitkan diri dalam bidang penerbitan. Kedua-dua pertubuhan ini telah mewujudkan bahagian penerbitan di bawah struktur organisasi mereka. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa tahap kemajuan penerbitan sesebuah negara dapat membayangkan tahap kebudayaan dan pendidikan sesebuah bangsa atau negara. Bidang Penerbitan yang maju membolehkan sesebuah bangsa memperolehi pengetahuan baru, menajamkan minda manusia, meningkatkan daya kreativiti, imaginasi dan penganalisaan manusia. Untuk memajukan keupayaan etnik dan

menyampaikan maklumat pertubuhan, DJZ dan DBP juga aktif dalam bidang penerbitan.

**(a) DJZ**

Penerbitan DJZ tertumpu kepada 3 jenis, iaitu buku, majalah dan buletin pertubuhan. Dong Zong dan Jiao Zong mempunyai bahagian penerbitan masing-masing. Disebabkan sasaran DJZ meliputi pelbagai golongan dalam masyarakat Cina, maka bidang penerbitannya adalah luas. Secara amnya, bidang penerbitan DJZ boleh dikategorikan seperti berikut:

- [I] Gerakan Pendidikan Cina
  - (i) Sejarah Gerakan Pendidikan Cina
  - (ii) Isu-isu Semasa Pendidikan Cina
  - (iii) Tokoh-tokoh Pendidikan Cina
- [II] Pendidikan / Profesional
  - (i) Teori Pendidikan dan Kauseling
  - (ii) Pendidikan awal kanak-kanak
  - (iii) *Parenting Education*
- [III] Kesusasteraan & Bahan Bacaan Am
- [IV] Buku-buku Teks Du Zhong

Pengkategorian di atas menunjukkan bahawa DJZ sedang memperluaskan pengaruhannya dan juga usaha dalam mempelbagaikan peranannya, supaya tidak terhad kepada fungsi menuntut hak pendidikan Cina sahaja. Di samping menulis sejarah perkembangan pendidikan Cina agar perjuangan mereka dapat diteruskan oleh generasi kemudian, DJZ juga bersungguh-sungguh meluaskan sasaran pembacanya kepada semua peringkat, termasuklah golongan profesional yang terlibat dalam bidang pendidikan, golongan ibu bapa, golongan pelajaran dan juga golongan orang ramai yang prihatin terhadap pendidikan Cina.

Selain daripada terbitan buku, DJZ juga giat dalam penerbitan majalah. Berikut menunjukkan majalah-majalah yang pernah dan masih diterbitkan oleh DJZ sejak tahun 1959.

Jadual 2  
*Majalah-majalah Terbitan DJZ Sejak Tahun 1959*

Majalah	Tahun Terbitan	Penerbit	Catatan
<i>Jiaoshi Zazhi</i> (Majalah Guru)	1959	JZ	Lesen penerbitan digantung pada Disember, 1976. Sejumlah 38 volum telah diterbitkan.
<i>Dong Zong Huixun</i> (Buletin Dong Zong)	1984	DZ	Dihentikan pada April 1994. Sejumlah 15 volum telah diterbitkan.
<i>Zhongxue Sheng</i> (Majalah Pelajar Sekolah)	1986	DZ	Masih diterbitkan. Merupakan bahan bacaan am kepada pelajar sekolah menengah.

Menengah)			
<i>Jiaoyu Tiandi</i> (Dunia Pendidikan)	1989	JZ	Sebelum mendapat lesen penerbitan, telah menerbitkan 6 volum terbitan cubaan; 60 volum diterbitkan selepas mendapat lesen penerbitan; Dihentikan pada tahun 2000 akibat masalah kewangan.
<i>Huajiao Dao Bao</i> (Buletin Pendidikan Cina)	1994	DJZ	Sambungan daripada <i>Dong Zong Huixun</i> . Masih diterbit sehingga sekarang.
<i>Haizi</i> (Majalah Anak)	1994	JZ	Masih diterbitkan, bertujuan memperkenalkan secara teori dan praktikal tentang pendidikan awal kanak-kanak, hubungan ibubapa dengan anak dan sebagainya.
<i>Huaxiao Zhi Shen</i> (Suara Sekolah Rendah)	1997	JZ	4 volum diterbitkan; dihentikan pada tahun 2000 akibat kekurangan tenaga kakitangan dan kewangan.
<i>Dongnanya Huawen jiaoyu Tongxun</i> (Buletin Pendidikan Cina Asia Tenggara)	2000	DJZ Higher Learning Centre	Masih diterbitkan. Merupakan buletin yang memperkenalkan dan melaporkan keadaan pendidikan Cina di Asia Tenggara.
<i>Malaxiya Huawen Jiaoyu</i> (Pendidikan Cina Malaysia)	2004	DZ	Masih diterbitkan. Journal akademik yang mengkaji tentang pendidikan Cina di Malaysia
<i>Du Zhong Jiaoyu</i> (Pendidikan Du Zhong)	2004	DZ	Masih diterbitkan. Memperkenalkan perkembangan, keadaan dan aktiviti berkaitan Du Zhong.

*Nota.* Sumber daripada Choong Woei Chuan, h.503-506.

### (b) DBP

Dalam perihal hubungan DBP dengan penerbitan, Hassan Ahmad berpendapat bahawa tugas utama DBP ialah mengembangkan bahasa dan sastera. (Hamed Mohd. Adnan, 1996, h. 46-47) Untuk mencapai matlamat sedemikian, penglibatan dalam penerbitan merupakan wahana yang paling berkesan:

“Buku merupakan alat pengembang bahasa, alat kodifikasi bahasa yang sangat penting. Bahasa ilmiah, bahasa sains, dan teknologi dapat diperkembangkan, dimantapkan secara berkesan melalui tulisan dan bahan-bahan penerbitan. ...tugas penerbitan buku yang dijalankan oleh DBP adalah suatu tugas pembinaan dan pengembangan bahasa juga.” (Hamed Mohd. Adnan, 1996, h.46-47)

Menurut Hamed, di antara tahun 1959-1991, DBP telah menerbitkan lebih kurang 50% daripada keseluruhan penerbitan DBP dalam bidang kesusasteraan dan bahasa. Jadual 3 di bawah menunjukkan Jumlah Judul Buku Terbitan DBP mengikut bidang pada tahun 1959-1991.

Jadual 3

*Jumlah Judul Buku Terbitan DBP mengikut bidang pada tahun 1959-1991*

Bidang	56-59	60-69	70-79	80-89	90-91	Jumlah
Kesusasteraan	11	87	303	706	178	1285
Bahasa	9	59	103	187	66	424
Sains Sosial	4	25	83	260	138	510
Sains Tulen	4	45	90	215	83	437
Sains Gunaan	1	17	40	182	85	325
Geografi/ Sejarah	2	59	73	87	22	243
Agama	-	2	30	79	46	157
Am	-	1	1	9	8	19
Kesenian	-	7	15	37	8	67
Falsafah	1	11	44	62	11	129
Jumlah	32	313	782	1824	645	3596

*Nota.* Sumber daripada Hamed Mohd. Adnan, 1996, h.51.

Selain menerbitkan buku, DBP juga menerbitkan majalah-majalah yang sesuai untuk pelbagai peringkat rakyat. Melalui majalah, pendidikan tentang bahasa dan budaya Melayu, isu semasa Nasional dan masyarakat dapat disebar luas. Berikut ialah senarai majalah yang diterbitkan oleh DBP:

Jadual 4

*Jumlah Judul Buku Terbitan DBP mengikut bidang pada tahun 1959-1991*

No	Majalah	Mula Diterbitkan	Kandungan	Kekerapan	Pembaca Sasaran
1	Dewan Bahasa	1957	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Bahasa</li> <li>•Masyarakat</li> <li>•Pendidikan</li> <li>•Pemikiran</li> </ul>	Bulanan	Budayawan, golongan profesional, pejuang bahasa, pensyarah, mahasiswa, pemimpin, serta orang awam.
2	Dewan Masyarakat	September 1963	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Sosial</li> <li>•Ekonomi</li> <li>•Pendidikan</li> <li>•Politik</li> </ul>	Bulanan	Golongan eksekutif & profesional, pentadbir, pembuat dasar, pemimpin, usahawan, pendidik, pelajar menengah atas & pengajian tinggi & orang awam.
3	Dewan	Januari	•Pendidikan	Bulanan	Pelajar sekolah

	Pelajar	1967	•Kreativiti		rendah & golongan kanak-kanak.
4	Dewan Sastera	Januari 1971	•Sastera •Seni	Bulanan	Penyelidik bahasa, pensyarah universiti & maktab, mahasiswa bahasa, calon guru, pelajar menengah tinggi & peminat bahasa.
5	Dewan Budaya	Januari 1979	•Isu •Profil •Eksklusif •Filem •Seni	Bulanan	Pemikir budaya, golongan profesional & intelektual, pemimpin masyarakat, peminat seni & budaya, pendidik, pelajar pengajian tinggi & menengah atas.
6	Dewan Siswa	Januari 1979	•Kesusasteraan •Isu remaja	Bulanan	Pelajar sekolah menengah & golongan remaja.
7	Pelita Bahasa	Mac 1989	•Bahasa	Bulanan	Guru, pelajar menengah rendah & tinggi, mahasiswa, kakitangan kerajaan & pengguna bahasa yang lain.
8	Dewan Kosmik	Januari 1993	•Sains & Teknologi	Bulanan	Ahli Profesional, penyelidik, mahasiswa eksekutif industri, guru, guru besar, guru pelatih, pelajar sekolah menengah, sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang sains & teknologi.
9	Dewan Ekonomi	Januari 1994	•Ekonomi, •Kewangan •Korporat	Bulanan	Usahawan, tokoh korporat, pengurus, pelabur, pendidik, penuntut universiti & masyarakat umum.
10	Tunas Cipta	Jun 2001	•Kesusasteraan	Bulanan	Golongan remaja atau orang muda yang berminat, malah yang terlibat dalam dunia kesusasteraan tanah



					air.
11	Tamadun Islam	Januari 2013	•Agama •Umum	Bulanan	Golongan Muslim, penyelidik agama Islam, akademik agama Islam dan bidang yang berkaitan
12	Agama dan Falsafah (Ditutup)	2001	•Agama •Umum	Bulanan	Golongan Muslim, penyelidik agama Islam, akademik agama Islam dan bidang yang berkaitan
12	Kanun	Disember 1989	•Undang-undang	2 Kali/Tahun	Akademik bidang undang-undang, pengamal undang-undang & penyelidik bidang berkaitan.
13	Jurnal Bahasa	Mac 2001	•Linguistik •Bahasa	2 Kali/Tahun	Penyelidik bahasa Melayu, akademik dalam bidang linguistik & bidang linguistik dan bidang yang berkaitan.
14	Malay Literature	1998	•Kesusasteraan	2 Kali/Tahun	Penyelidik sastera Melayu, akademik dalam bidang kesusasteraan & bidang yang berkaitan.

*Nota.* Sumber daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (2015, December 20)

## (2) Mewujudkan Pusat Dokumentasi / Sumber

Pusat dokumentasi adalah penting kerana ia merupakan tempat yang menyimpan rekod dan bahan sejarah tentang perkembangan (dalam kes sini ialah bahan yang berkaitan pendidikan ibunda) sesebuah bangsa. Pusat dokumentasi atau pusat sumber bukan sahaja berperanan menyediakan bahan kepada kajian yang akan datang tentang bahasa dan budaya sesebuah masyarakat, tetapi juga berperanan mewariskan sumber-sumber sejarah kepada generasi akan datang.

### (a) DJZ

Untuk mengetahui dan merapati sejarah perkembangan isu pendidikan, DJZ juga menubuhkan pusat dokumentasi masing-masing. Jiao Zong menubuhkan Bahagian Penyelidikan dan Maklumat, dengan tujuan mengumpul dan menyusun maklumat pendidikan sekolah rendah Cina di seluruh Malaysia. Bahagian tersebut akan menyelidik isu-isu atau tema-tema pendidikan tertentu, membuat laporan penyelidikan mereka dan mengemukakan memorandum kepada kerajaan. Bahagian Penyelidikan dan Maklumat

Jiao Zong juga bertanggungjawab membalas respon mereka terhadap masalah yang dihadapi oleh sekolah rendah Cina ataupun dasar-dasar kerajaan yang mungkin mengancam kewujudan sekolah rendah Cina di Malaysia.

Dong Zong menubuhkan Jabatan Sumber atas tujuan mengumpul segala maklumat yang berkenaan dengan pendidikan Cina di Malaysia. Antara maklumat yang dikumpul termasuk keratan akhbar, kenyataan akhbar (*press statement*), memorandum, salinan akta-akta dan laporan-laporan pendidikan, suratkhobar, bahan rujukan dan bahan multimedia yang berkenaan, dan sebagainya.

Hasil daripada usaha penyempulanan maklumat dan sumber yang berkaitan, dua buah buku terbitan khas yang amat bernilai telah diterbitkan oleh Dong Zong dan Jiao Zong. Kedua-dua buku ini bagaikan sebuah catatan sejarah tentang perkembangan dan kehidupan kaum Cina di Malaysia. Judul buku-buku tersebut ialah:

- (i) ***Jiao Zong 33 Nian: 1951.12.25-1985.4.8*** (Terbitan Cenderamata Sempena Ulang Tahun ke 33 Gabungan Persatuan Sekolah China Malaysia, 1951.12.25-1985.4.8) (Tarikh penerbitan: April, 1987; 952 muka surat)
- (ii) ***Dong Zong 50 Nian Tekan: 1954-2004*** (Terbitan Cenderamata Sempena Ulang Tahun ke 50 Persekutuan Persatuan - Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia, 1954-2004) (Tarikh penerbitan: Disember, 2004; 1274 muka surat)

#### **(b) DBP**

DBP juga bertujuan mewujudkan sebuah pusat dokumentasi yang dapat memperoleh dan memulihara kepustakaan Melayu selengkap mungkin dengan pengkhususan kepada bidang bahasa, kesusasteraan dan budaya Melayu. Pusat sumber DBP bermula dengan Bahagian Perpustakaan pada tahun 1956. Walau bagaimanapun, peranan Perpustakaan DBP telah dinaik taraf menjadi Pusat Dokumentasi Melayu (PDM). Kenaikan taraf ini membolehkan kerja-kerja pendokumentasian DBP dikendalikan berasaskan teknologi maklumat.

PDM bukan sahaja mengabungkan peranan perpustakaan, tetapi juga memainkan peranan mengumpul maklumat dan sumber seperti pita rakaman cerita rakyat, keratan akhbar, fail penulis dan sebagainya yang khusus dalam bidang bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Sehingga 1 Jun 2011, PDM telah mengumpul sejumlah 159,970 naskah monograf yang meliputi buku, kertas kerja, tesis, risalah dan buku cenderamata (Pusat Dokumentasi Melayu, 20 December 2015). Usaha memperkaya dan memperkukuhkan PDM ini telah menunjukkan matlamat DBP dalam mengembangkan bahasa dan persuratan BM.

### **Kesimpulan**

Perlaksanaan dasar bahasa yang tunggal atau penggunaan bahasa kumpulan majoriti sebagai bahasa pengantar dalam sebuah masyarakat majmuk telah menunjukkan kehegemonian budaya negara tersebut. Menurut Gramsci, hegemoni sedemikian sebenarnya akan membolehkan sesebuah golongan masyarakat dapat mengawal,

mengatur atau memerintah golongan masyarakat biasa yang berbilang budaya. Segala nilai atau norma masyarakat yang dianggap oleh golongan pemerintahan tersebut yang dikatakan berkesan atau bermanfaat terhadapnya akan dijadikan sebagai standard kepada masyarakat tersebut. Anggota masyarakat yang lain terpaksa menuruti norma sedemikian. Akibatnya, hanya golongan pemerintah sahaja yang mendapat manfaat. (1971)

Hegemoni yang berleluasa dalam konteks penggunaan bahasa di Malaysia bukan sahaja meminggirkan (*marginalized*) bahasa-bahasa kumpulan minoriti, malah mengakibatkan perkembangan dan pembentukan budaya negara yang bersifat pluralisme terbantut. Isu bahasa dan pendidikan ibunda telah digunakan sebagai alat politik demi menimbulkan sentimental perkauman atas persaingan politik yang sengit. Tambahan pula matlamat dasar pendidikan dan bahasa negara yang bersifat asimilatif seringkali dianggap sebagai suatu tindakan yang ingin menghapuskan hak pembelajaran dan penggunaan bahasa ibunda sesebuah etnik dan telah mencabul hak asasi manusia.

Sebagai dua buah pertubuhan yang agak berbeza peranannya, DJZ dan DBP memang mempunyai persamaan dalam menggerakkan kemajuan bahasa dan pendidikan ibunda. Jika diteliti dengan lebih lanjut, kandungan peranan DJZ lebih berat dan lebih luas daripada DBP. DJZ bukan sahaja mengembangkan bahasa dan pendidikan ibunda, malah terpaksa mengendalikan sebuah sistem pendidikan Cina di Malaysia, dengan sumber yang terbatas seperti kekurangan tenaga guru dan kos pentadbiran, bilangan pelajar yang tidak stabil, lokasi sekolah, penetapan sukatan pelajaran, mengadakan sistem peperiksaan sendiri, dan sebagainya. Pada masa yang sama, DJZ perlu menghadapi tuduhan-tuduhan dari pihak pemerintah yang menyifatkan DJZ sebagai “chauvanisme”, tetapi pada hakikatnya DJZ selalu mewakili kumpulan-kumpulan minoriti lain menuntut hak pendidikan ibunda yang merupakan hak asasi manusia.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perkembangan dan kemajuan dalam pendidikan ibunda Cina di Malaysia merupakan hasil daripada layanan berat sebelah dan dasar-dasar pendidikan yang tidak adil. Di bawah tekanan-tekan politik dan desak pendidikan yang bersifat sehalu dan tunggal, DJZ terpaksa mengatasi ancaman sedemikian dari sedikit demi sedikit. Di bawah penerajuan DJZ, sistem pendidikan Cina di Malaysia merupakan sistem yang paling sempurna di antara negara-negara Asia Tenggara.

DBP pula harus mengambil isu PPSMI sebagai satu pengajaran kerana keputusan kerajaan menarik balik dasar PPSMI telah membuktikan bahawa bahasa ibunda sebenarnya lebih sesuai dan berkesan. DBP yang merupakan salah satu daripada penyokong dasar kerajaan dalam isu PPSMI, telah menunjukkan peranannya sebagai badan berkanun kerajaan bercanggah dengan naturalnya yang patut membela nasib BM. Sebaliknya, DBP harus mempengaruhi keputusan kerajaan dalam menggubal dasar-dasar bahasa dan pendidikan ibunda. Di samping mengembangkan bahasa kebangsaan, DBP juga dapat memainkan peranan dalam membantu perkembangan pendidikan ibunda minoriti lain.

Sebagai pertubuhan yang mewakili kumpulan masing-masing, DJZ dan DBP seharusnya mengadakan dialog dan interaksi tentang usaha mereka dalam menuntut

kedudukan bahasa dan pendidikan ibunda. Haluan kedua-dua pertubuhan ini tidak sehalu dan kandungan tuntutan mereka juga berbeza. Namun, hasrat mereka membela nasib bahasa ibunda adalah sama. Jadi, ruangan untuk berdialog harus dibuka seluas-luasnya demi mencapai persefahaman. Kedua-dua pertubuhan tersebut harus mengetepikan prejudis masing-masing untuk mengatasi segala rintangan dan cabaran-cabaran yang mungkin timbul. Sekiranya keadaan sekarang masih dikekalkan, maka percanggahan atau pertembungan yang tercetus oleh isu bahasa dan pendidikan ibunda tidak akan berhenti.

## Rujukan

- Adnan, H. M. (1996). *Penerbitan dan pemasaran buku di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Chinese schools and the education of Chinese Malaysians: the report of a mission invited by the Federation Government to study the problem of the education of Chinese in Malaya* (1951). Kuala Lumpur: Government Press.
- Choong, W. C. (Ed.). (2004). *董总 50 年特刊: 1954-2004* [Special Publication to Commemorate the 50<sup>th</sup> Anniversary of the UCSCAM]. Kajang, Selangor: UCSCAM. h.186-187, 215-217, 230-233, 236-239.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2015, Desember 20). *Terbitan berkala*. Diperolehi pada 20 Desember 2016, daripada <http://goo.gl/nJ3kKA>
- Gramsci, A. (1971). *Selections from the Prison Notebook*. (Q. Hoare & G. Smith, Eds. & Terj.). New York: International Publishers.
- Jiao Zong 33 Nian Bianjishi [Editorial Board of the Special Publication to Commemorate the 33rd Anniversary of the UCSTAM]. (Ed.). (1987). *教总 33 年* [33 Years of the UCSTAM]. Kuala Lumpur: UCSTAM.
- 教总简介* [Introduction of UCSTAM] (2008, Julai 5). Diperolehi pada 15 Julai 2014, daripada <http://goo.gl/5LOVkz>
- Kua K. S. (1998). *Mother tongue education of Malaysia ethnic minorities: papers presented at the seminar on mother tongue education of Malaysian ethnic minorities*. Kajang: Dong Jiao Zong Higher Learning Centre.
- Kua K. S. (2008). *The Chinese schools of Malaysian: a protean saga* (4th ed.). Kajang: Malaysian Centre For Ethnic Studies.
- Malaysiakini (2009, Julai 8). *PPSMI dimansuhkan mulai 2012*. Diperolehi pada 16 Julai 2014, daripada <http://www.malaysiakini.com/news/108063>
- Mok, S. S. (2000). *Pendidikan di Malaysia* (7th ed.). Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Pusat Dokumentasi Melayu (2015, December 20). Diperolehi pada 20 Desember 2016, daripada [http://pdm.dbp.my/wordpress/?page\\_id=829](http://pdm.dbp.my/wordpress/?page_id=829)
- Tan, Y. S. (2005). *Politik Dongjiaozong dalam pendidikan ibunda Cina di Semenanjung Malaysia* (1960-1982), Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tay, L. S. (2001). *马来西亚华文教育发展史 (第三分册)* [The Development of

Ho Kee Chye  
Peranan Dong Jiao Zong dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam  
Pengendalian dan Perkembangan Pendidikan Bahasa Ibunda

Chinese Education in Malaysia] (Vol. III). Kuala Lumpur: UCSTAM.

Tay, L. S. (2003). *马来西亚华文教育发展史（第四分册）* [The Development of Chinese Education in Malaysia] (Vol. IV). Kuala Lumpur: UCSTAM.